

# PROSEDUR PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN SES GETAH (TANAM SEMULA) UNTUK SEMUA SYARIKAT YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PEMBAYARAN SES TANAM SEMULA

## LATAR BELAKANG

Prosedur Pengecualian Bayaran Ses Getah (Tanam Semula) oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) ini dikeluarkan kepada semua syarikat yang layak memohon berkaitan prosedur atau tatacara bagi pelaksanaan berikut :

- i) Pengecualian bayaran ses tanam semula ke atas **getah yang diimport atau getah dari Sabah dan Sarawak** bagi **jualan/kegunaan tempatan**.
- ii) Pengecualian bayaran ses tanam semula ke atas **getah yang diimport atau getah dari Sabah dan Sarawak** bagi tujuan **pengeksporan**.
- iii) Pengecualian bayaran ses tanam semula untuk pengeksporan getah kepada **kilang pembuatan produk getah**.

## KAEDAH PELAKSANAAN

1. Semua getah asli dari sumber tempatan dikenakan ses tanam semula pada kadar **10.00 sen sekilogram**.
2. Semua getah asli dari sumber import yang dibawa masuk dari luar negara atau getah dari Sabah/Sarawak untuk dijual/kegunaan tempatan atau pengeksporan adalah dikecualikan daripada dikenakan ses tanam semula.
3. Kutipan ses getah (tanam semula) pada masa ini dilakukan melalui 2 kaedah iaitu :
  - i) Ses bagi **getah eksport** yang dikutip di pintu keluar sempadan negara berdasarkan Arahan Perbendaharaan yang dikutip oleh **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)**; dan

- ii) Ses yang dibayar oleh **penjual terakhir** (Lesen Pemproses dan Lesen Pedagang) untuk getah **kegunaan tempatan** dikutip oleh **Lembaga Getah Malaysia (LGM)**.
4. Pihak RISDA berhak menolak permohonan dari syarikat sekiranya permohonan yang dikemukakan didapati tidak lengkap atau mengandungi maklumat palsu.
5. Kelulusan permohonan dari syarikat adalah tertakluk di bawah kuasa RISDA.
6. Pihak RISDA boleh membuat lawatan semakan ke premis syarikat pada bila-bila masa untuk tujuan semakan maklumat yang dikemukakan.

## TEMPOH PENGECUALIAN

Tempoh kelulusan pengecualian bayaran ses tanam semula bagi semua pengilang yang layak adalah seperti berikut :

- i) **getah yang diimport atau getah dari Sabah dan Sarawak bagi jualan/kegunaan tempatan** adalah dalam tempoh **6 bulan**.
- ii) **getah yang diimport atau getah dari Sabah dan Sarawak** bagi tujuan **pengeksporan** adalah dalam tempoh **6 bulan**.
- iii) **kilang pembuatan produk getah** bagi tujuan pengeksporan adalah dalam tempoh **1 tahun**.

## PENUTUP

Prosedur ini adalah bagi memastikan semua syarikat yang terlibat dapat menjalankan pelaksanaan kerja mengikut standard dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Ianya adalah tertakluk atas pindaan mengikut keadaan semasa bergantung kepada keperluan-keperluan baru yang dikenalpasti.

**Prosedur 1 : PENGECUALIAN SES TANAM SEMULA BAGI GETAH IMPORT DAN GETAH DARI SABAH DAN SARAWAK UNTUK JUALAN/KEGUNAAN TEMPATAN**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	<p>Syarat-syarat kelayakan pengecualian :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jumlah penghantaran getah tidak boleh melebihi jumlah kelayakan pengecualian getah import atau getah dari Sabah dan Sarawak yang dipohon.</li> <li>ii) Permohonan pengecualian bagi Borang Kastam 1 (K1) atau Kastam 3 (K3) dikemukakan dalam tempoh <b>3 BULAN</b> dari tarikh getah diimport atau dibawa masuk dari Sabah dan Sarawak (tarikh pada Borang K1 atau K3).</li> <li>iii) Kelayakan pengecualian ses berdasarkan Ujian Kandungan Getah Kering (KGK) daripada Makmal Lembaga Getah Malaysia (LGM) sahaja.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan
2.	<p>Senarai keperluan dokumen :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Surat permohonan pengecualian ses tanam semula kepada RISDA.</li> <li>i) Borang <b>RISDA KS-1</b> iaitu Borang Permohonan Pengecualian Ses Tanam Semula Bagi Getah Asli Tempatan/Getah Sebatian/Getah Import</li> <li>ii) Borang <b>RISDA KS-2</b> (Maklumat Permohonan Pengecualian Ses Untuk Getah Import/Getah Sabah/Sarawak Bagi Jualan Tempatan/Eksport).</li> <li>iii) Salinan Borang Kastam 1 (K1) atau Kastam 3 (K3).</li> <li>iv) Salinan Surat Keputusan Ujian Makmal Kandungan Getah Kering (KGK) dari Lembaga Getah Malaysia (LGM).</li> <li>v) Salinan Invois.</li> <li>vi) Salinan Lesen Memproses dan/atau Pembuatan Produk Getah yang dikeluarkan oleh LGM.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN
3.	Dokumen yang dikemukakan hendaklah lengkap dan dokumen sokongan yang telah diakui sah seperti salinan asal. RISDA boleh menolak permohonan sekiranya permohonan didapati tidak lengkap atau mengandungi maklumat palsu. Kelulusan permohonan adalah tertakluk di bawah kuasa RISDA.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
4.	Pihak RISDA boleh membuat lawatan semakan ke premis pada bila-bila masa untuk tujuan semakan maklumat yang dikemukakan.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
5.	Tempoh kelulusan pengecualian ses tanam semula hanya dalam tempoh <b>6 BULAN</b> sahaja.	Syarikat yang berkaitan
6.	Semua syarikat yang diberi kelulusan perlu menghantar Laporan Pengecualian Ses Untuk Getah Import atau Getah Dari Sabah/Sarawak Bagi Jualan Tempatan / Pengeksportan iaitu <b>RISDA KS-3 (Laporan)</b> dalam tempoh <b>3 BULAN</b> dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.	Syarikat yang berkaitan

**Prosedur 2 : PENGECUALIAN SES TANAM SEMULA BAGI GETAH IMPORT DAN GETAH DARI SABAH DAN SARAWAK UNTUK TUJUAN PENGEKSPORTAN**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	<p>Syarat-syarat kelayakan pengecualian :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jumlah penghantaran getah tidak boleh melebihi jumlah kelayakan pengecualian getah import atau getah dari Sabah dan Sarawak yang dipohon.</li> <li>ii) Permohonan pengecualian bagi Borang Kastam 1 (K1) atau Kastam 3 (K3) dikemukakan dalam tempoh <b>3 BULAN</b> dari tarikh getah diimport atau dibawa masuk dari Sabah dan Sarawak (tarikh pada Borang K1 atau K3).</li> <li>iii) Kelayakan pengecualian ses berdasarkan Ujian Kandungan Getah Kering (KGK) daripada Makmal Lembaga Getah Malaysia (LGM) sahaja.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan
2.	<p>Senarai keperluan dokumen :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Surat permohonan pengecualian ses tanam semula kepada RISDA.</li> <li>ii) Borang <b>RISDA KS-1</b> iaitu Borang Permohonan Pengecualian Ses Tanam Semula Bagi Getah Asli Tempatan/Getah Sebatian/Getah Import.</li> <li>ii) Borang <b>RISDA KS-2</b> (Maklumat Permohonan Pengecualian Ses Untuk Getah Import/Getah Sabah/Sarawak Bagi Jualan Tempatan/Eksport).</li> <li>iii) Salinan Borang Kastam 1 (K1) atau Kastam 3 (K3).</li> <li>iv) Salinan Surat Keputusan Ujian Makmal Kandungan Getah Kering (KGK) dari Lembaga Getah Malaysia (LGM).</li> <li>v) Salinan Invois.</li> <li>vi) Salinan Lesen Memproses dan/atau Pembuatan Produk Getah yang dikeluarkan oleh LGM.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.	Dokumen yang dikemukakan hendaklah lengkap dan dokumen sokongan yang telah diakui sah seperti salinan asal. RISDA boleh menolak permohonan sekiranya permohonan didapati tidak lengkap atau mengandungi maklumat palsu. Kelulusan permohonan adalah tertakluk di bawah kuasa RISDA.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
4.	Pihak RISDA boleh membuat lawatan semakan ke premis pada bila-bila masa untuk tujuan semakan maklumat yang dikemukakan.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
5.	Tempoh kelulusan pengecualian ses tanam semula hanya dalam tempoh <b>6 BULAN</b> sahaja.	Syarikat yang berkaitan
6.	Semua syarikat yang diberi kelulusan perlu menghantar Laporan Pengecualian Ses Untuk Getah Import atau Getah Dari Sabah/Sarawak Bagi Jualan Tempatan / Pengeksportan iaitu <b>RISDA KS-3 (Laporan)</b> dalam tempoh <b>3 BULAN</b> dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.	Syarikat yang berkaitan

**Prosedur 3 : PENGECUALIAN SES TANAM SEMULA UNTUK PENGEKSPORTAN GETAH BAGI KILANG PEMBUATAN PRODUK GETAH**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	<p>Syarat-syarat kelayakan pengecualian :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Merupakan kilang produk atau pedagang getah yang mendapat bekalan dari pembekal getah yang telah membayar ses.</li> <li>ii) Membeli getah asli tempatan yang telah dikenakan ses tanam semula sebelum ini daripada kilang pemproses getah / penjual terakhir (<i>trader</i>).</li> <li>iii) Bagi pembaharuan tempoh sah pengecualian, permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh <b>2 BULAN</b> sebelum tarikh tamat tempoh sah.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan
2.	<p>Senarai keperluan dokumen :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Surat permohonan pengecualian ses tanam semula kepada RISDA.</li> <li>ii) Borang <b>RISDA KS-1</b> iaitu Borang Permohonan Pengecualian Ses Tanam Semula Bagi Getah Asli Tempatan/Getah Sebatian/Getah Import.</li> <li>iii) Borang <b>RISDA-KS1 (Lampiran 1)</b> iaitu Senarai Getah Yang Dibeli Dari Kilang Pemproses Getah / Penjual Terakhir Sepanjang Tempoh Sah Laku Pengecualian Bayaran Ses Tanam Semula.</li> <li>iv) Borang <b>RISDA-KS1 (Lampiran 2)</b> iaitu Senarai Getah Yang Diekspor Oleh Kilang Sepanjang Tempoh Sah Laku Pengecualian Bayaran Ses Tanam Semula.</li> <li>v) Salinan surat kelulusan Pengecualian Ses Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D) bagi Getah Sebatian Yang Diekspor dari Lembaga Getah Malaysia.</li> <li>vi) Salinan Lesen Pembuatan Produk Getah yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia.</li> </ul>	Syarikat yang berkaitan

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN
3.	Dokumen yang dikemukakan hendaklah lengkap dan dokumen sokongan yang telah diakui sah seperti salinan asal. RISDA boleh menolak permohonan sekiranya permohonan didapati tidak lengkap atau mengandungi maklumat palsu. Kelulusan permohonan adalah tertakluk di bawah kuasa RISDA.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
4.	Pihak RISDA boleh membuat lawatan semakan ke premis pada bila-bila masa untuk tujuan semakan maklumat yang dikemukakan.	RISDA / Syarikat yang berkaitan
5.	Tempoh kelulusan pengecualian ses tanam semula hanya dalam tempoh <b>1 TAHUN</b> sahaja.	Syarikat yang berkaitan